

Headline	28 peratus pelajar positif HIV		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	15 Mar 2013	Color	Full Color
Section	DUNIA	Circulation	37,981
Page No	D10	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	393 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,467
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,400



28 peratus pelajar positif HIV

JOHANNESBURG, Khamis — Sekurang-kurangnya 28 peratus daripada pelajar perempuan di sekolah di Afrika Selatan adalah positif HIV, menurut angka daripada Kementerian kesihatan negara itu seperti yang dilaporkan oleh media tempatan hari ini.

Statistik yang didedahkan mengatakan bahawa menteri Aaron Motsoaledi mengakui yang kenyataan itu telah "memusnahkan jiwanya" dan menambah bahawa empat peratus daripada pelajar lelaki mempunyai virus tersebut.

"Ia adalah jelas bahawa bukan remaja lelaki yang tidur dengan remaja perempuan ini, ia adalah lelaki yang lebih dewasa," akhbar Sowetan memetik Motsoaledi sebagai berkata.

"Kami tidak boleh terus hidup dalam keadaan seperti itu," tegasnya.

Motsoaledi menggesa agar trend gadis-gadis remaja menjadi terlibat

dengan "sugar daddies" dihentikan.

Motsoaledi juga mendedahkan bahawa 94,000 pelajar perempuan di Afrika Selatan hamil pada 2011, dengan sebahagiannya berusia semuda 10 tahun.

Afrika Selatan adalah salah satu daripada negara yang mencatatkan jangkitan HIV/AIDS tertinggi di dunia, walaupun bilangan kes yang mengakibatkan kematian menunjukkan penurunan mendadak.

Angka rasmi menunjukkan bahawa Afrika Selatan mempunyai enam juta orang yang hidup dengan HIV, dalam kalangan penduduk yang berjumlah 50 juta

orang.

Negara itu mempunyai program anti-retroviral yang terbesar di dunia, memberi khidmat bagi 1.7 juta orang.

Jabatan kesihatan baru-baru ini memperkenalkan langkah-langkah untuk membendung penyebaran HIV di kalangan kanak-kanak sekolah, memperkenalkan ujian secara sukarela dan mencadangkan pengagihan kondom di sekolah-sekolah.

— AFP



SEORANG lelaki Iraq sedang menjalani latihan fizikal di ibu negara Baghdad. • AFP